

11 Mei 2021

Untuk Hebahan Segera



## KENYATAAN MEDIA

### ISLAMIC RELIEF KECAM KEGANASAN DI PALESTIN

Islamic Relief amat terkejut dengan peningkatan beberapa siri keganasan dan serangan terbaharu terhadap penduduk Palestin di Jerusalem Timur, yang menjadikan ia kekerasan terburuk selama tempoh beberapa tahun ini.

Baru-baru ini, pihak Israel telah menyerbu perkarangan Haram al-Sharif dan mencederakan jemaah yang sedang mengerjakan solat di Masjid Al-Aqsa. Sehingga hari ini, ratusan penduduk Palestin dilaporkan tercedera.

**Tufail Hussain, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Worldwide, berkata:**

"Kami merasa bimbang apabila menerima laporan yang mengatakan bahawa tentera menembak peluru getah dan gas pemedih mata kepada para jemaah yang sedang bersembahyang di Al-Aqsa iaitu tempat ketiga paling suci dalam Islam dan ia berlaku di dalam bulan Ramadan yang mulia. Seharusnya, hak insan untuk beribadah dengan bebas dan selamat perlu dijunjung dan dipelihara oleh semua tanpa mengira agama!

"Dalam beberapa hari ini, kanak-kanak adalah antara ratusan yang tercedera dan ramai yang dikejarkan ke hospital.

"Kami mengutuk semua kekerasan yang dilakukan terhadap orang awam. Kami juga mengecam usaha mengusir keluar keluarga Palestin secara paksa dari kediaman mereka di kawasan Syekh Jarrah di Jerusalem Timur dan menggantinya dengan penempatan Israel. Kami meminta pemerintah Israel untuk segera menghentikan pengusiran seperti itu, yang telah diperingatkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bahawa ia bertentangan dengan undang-undang antarabangsa, dan kami meminta PBB dan pihak berpengaruh yang lain untuk menyediakan bantuan kemanusiaan yang bersesuaian untuk semua yang terkesan akibat keganasan baru-baru ini."

Ribuan penduduk Palestin di Jerusalem Timur menghadapi beberapa ancaman yang berterusan seperti diusir dari kediaman mereka, dirobohkan rumah atau kehilangan status tempat tinggal. Pada suku pertama 2021, pihak berkuasa Israel telah merobohkan 292 bangunan milik penduduk Palestin di Tebing Barat, termasuk Jerusalem Timur - lebih dari dua kali ganda pada tahun 2020. Pada masa yang sama, penempatan Israel di Jerusalem Timur terus berkembang.

Penjajahan Israel secara sistematik telah mengambil Jerusalem Timur dari wilayah Tebing Barat yang lain, melanggar hak asasi manusia dan meningkatkan kadar kemiskinan. Pergerakan penduduk Palestin dikawal dan disekat sepenuhnya menyebabkan beberapa urusan harian terjejas, termasuk menziarahi keluarga, aktiviti keagamaan, urusan jual beli di pasar serta mengakibatkan kehilangan mata pencarian. Jerusalem Timur merekodkan tahap kemiskinan yang tinggi kesan daripada penjajahan ini.

Kakitangan Islamic Relief di Gaza melaporkan bahawa sejak beberapa hari ini, keadaan di Gaza juga semakin buruk apabila ketegangan meningkat di seluruh wilayah Palestin. Islamic Relief menggesa keganasan dihentikan oleh kedua-dua pihak agar sekatan di Gaza diakhiri.

**Islamic Relief telah beroperasi di Palestin sejak tahun 1997. Pada tahun 2020 sahaja, Islamic Relief telah membantu kira-kira 400,000 orang melalui projek-projek di Gaza seperti rawatan perubatan, akses pendidikan dan latihan kemahiran untuk para belia.**

### **Mengenai Islamic Relief**

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 120 juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

### **Mengenai Islamic Relief Malaysia**

Islamic Relief Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan Islamic Relief Malaysia, sila layari laman web rasmi [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my) atau hubungi talian tetap 03-8926 3434.

Sebarang sumbangan boleh disalurkan melalui beberapa kaedah berikut:

**1) Laman Web:** <http://bit.ly/rebuildingpalestine-irmalaysia>

**2) Melalui akaun Islamic Relief Malaysia:**

MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704

CIMB ISLAMIC | 860 2073818

MBSB BANK | 1005 0251 0000 0166

BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3

AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4

BANK RAKYAT | 11080 10000 35

**3) Platform Atas Talian:**

LaunchGood | Shopee | Lazada | Give.Asia | Kitafund | Grab | TouchNGo | SnapNPay

**4) Sumbangan Tunai atau Kad Kredit di Charity Shoppe**

**Fikir KEMANUSIAAN, Fikir ISLAMIC RELIEF!**

Zairulshahfuddin Zainal Abidin,

Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

---

Dikeluarkan oleh,  
**Islamic Relief Malaysia-Reg No: 657354-W**  
**A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,**  
**Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**  
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Jabatan Komunikasi Strategik**  
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau  
emel: [Malaysia.Media@islamic-relief.org.my](mailto:Malaysia.Media@islamic-relief.org.my)  
Aduan atau maklum balas: [feedback.irmalaysia@islamic-relief.org.my](mailto:feedback.irmalaysia@islamic-relief.org.my) atau  
WhatsApp: [+6019-630 9788](https://wa.me/60196309788)